

PL peneraju utama DRRP di Labuan



KORSPONDEN
KHAIRUL IDIN

PERBADANAN Labuan (PL) menjadi agensi peneraju utama dalam menyelaras inisiatif Program Pengurangan Risiko Daerah (DRRP) Covid-19 di Labuan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Dr Fary Akmal Osman** berkata, PL akan menyelaras keseluruhan inisiatif DRRP bersama dengan Jabatan Kesihatan Labuan dan agensi-agensi yang terlibat.

“PL akan mengaktifkan jentera di bawah penyeliaan PL iaitu Unit Kesihatan, Penguatkuasaan, Majlis Perwakilan Penduduk, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung dan jabatan-jabatan berkaitan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menyampaikan bantuan kepada mangsa kebakaran Kampung Lajau dan Taman Mutiara di Bangunan Wisma Perbadanan



DR FARY menunjukkan inisiatif DRRP peneraju keseluruhan yang diperkasakan di Labuan.

Labuan, pada Isnin.

Fary berkata, terdapat empat prinsip utama dalam prosedur operasi standard (SOP) norma baharu iaitu kawalan sempadan, kawalan pergerakan, penjarakan sosial dan perlindungan diri.

“Dalam program DRRP ter-

cepat empat amalan yang perlu diamalkan melalui kaedah CAPP Cegah dan Didik, Amalkan, iaitu patuhi SOP dan pantau status kesihatan bagi memastikan masyarakat lebih peka terhadap tanggungjawab melindungi diri, keluarga dan komuniti bebas daripada Covid-19.



DR FARY (dua dari kiri) menyampaikan bantuan wang tunai kepada salah seorang mangsa kebakaran rumah baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata PL akan memberikan sumbangan pelitup muka kepada Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan (JPNWPL) untuk diberikan kepada pelajar di sekolah-sekolah di Labuan.

“Kita telah agihkan kepa-

da JPNWPL sebanyak 31,479 keping pelitup muka khusus untuk pelajar dan guru di setiap sekolah.

“Ini merupakan salah satu strategi dalam pemerksaan komuniti untuk mencegah penularan wabak Covid-19,” katanya.

WK